- 7 (a) Cari bilangan cara menyusun perkataan HALUS tanpa ulangan huruf.
Find the number of ways to arrange the word HALUS without repetition.
- (b) Berapakah bilangan cara menyusun 9 orang murid untuk duduk di sebuah meja bulat di dalam sebuah dewan?
How many ways to arrange 9 students to sit at a round table in a hall?
- (c) Tentukan bilangan cara Mira boleh menyusun 8 butir mutiara untuk dijadikan seutas gelang tangan.
Determine the number of ways Mira can arrange 8 pearls to make a bracelet.

[6 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

-
- 8 (a) Empat huruf daripada perkataan BERLAGU perlu disusun dalam bentuk bulatan. Cari bilangan susunan yang akan diperoleh.
Four letters from the word BERLAGU are to be arranged in a circle. Find the number of arrangements that will be obtained.
- (b) Cari bilangan cara semua huruf dalam perkataan PERANAN dapat disusun sebaris.
Find the number of ways for all the letters in the word PERANAN to be arranged in a row.

[4 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 9 Empat huruf dipilih daripada perkataan COMBINATION. Cari bilangan cara huruf-huruf itu dipilih jika
Four letters are to be selected from the word COMBINATION. Find the number of ways of choosing the letters if
- (a) huruf N mesti dipilih,
the letter N must be selected,
- (b) huruf vokal tidak dipilih.
the vowels are not selected.

[4 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

-
- 10 Lima orang murid Tingkatan 5 dipilih daripada 4 orang ketua kelas, 3 orang penolong ketua kelas dan 6 orang pengawas untuk membentuk pasukan bola sepak. Cari bilangan cara berbeza pasukan tersebut boleh dibentuk jika
Five Form 5 students are to be selected from 4 class monitors, 3 assistant class monitors and 6 prefects to form a football team. Find the number of different ways to form the team if
- (a) tiada syarat dikenakan,
there is no condition,
- (b) pasukan tersebut terdiri daripada 2 ketua kelas dan 2 pengawas sahaja.
the team consists of 2 class monitors and 2 prefects.

[4 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 11** Dalam satu pemilihan ahli jawatankuasa Kelab STEM, 8 orang calon akan dipilih daripada 6 orang murid lelaki dan 9 orang murid perempuan. Cari bilangan cara yang berlainan untuk memilih jawatankuasa itu jika
In a selection of STEM Club committee members, 8 candidates are to be selected from 6 boys and 9 girls. Find the number of different ways to select the committee if
- (a) 5 orang murid perempuan dipilih,
5 girls are selected,
 - (b) bilangan murid lelaki yang dipilih adalah lebih daripada bilangan murid perempuan.
the number of boys selected is more than the number of girls selected.

[5 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

-
- 12** (a) Diberi bilangan cara untuk Amir memilih 2 ekor kambing daripada n ekor kambing untuk dijual ialah 36. Hitung bilangan kambing yang asal.
Given the number of ways of Amir choosing 2 goats from n goats to sell is 36. Calculate the number of the goats originally.
- (b) Puan Amirah membeli 12 helai tudung yang berlainan corak. Dia ingin membahagikan semua tudung itu secara sama rata kepada 3 orang anaknya. Tentukan bilangan cara untuk membahagikan tudung-tudung itu.
Puan Amirah buys 12 scarves of different patterns. She wants to divide all the scarves equally to her 3 daughters. Determine the number of ways to divide the scarves.

[5 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 13** Sebuah restoran menjual 15 jenis makanan dan 7 jenis minuman. Cari bilangan pilihan jika
A restaurant sells 15 types of foods and 7 types of drinks. Find the number of choices if
- (a) Maria ingin membeli 5 jenis makanan dan 3 jenis minuman,
Maria wants to buy 5 types of foods and 7 types of drinks,
- (b) Jason ingin membeli 8 jenis makanan dan minuman dengan keadaan sekurang-kurangnya 4 jenis minuman dipilih.
Jason wants to buy 8 types of foods and drinks where at least 4 types of drinks are selected.

[5 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

-
- 14** (a) Cari bilangan cara untuk menyusun 7 biji bola yang berlainan warna di dalam satu bulatan.
Find the number of ways to arrange 7 balls of different colours in a circle.
- (b) Cari bilangan cara untuk menyusun 6 orang peserta suatu pertandingan dalam satu bulatan dengan keadaan 3 orang peserta tertentu mesti duduk bersebelahan.
Find the number of ways to arrange 6 participants of a competition in a circle where 3 particular participants must be seated side by side.

[4 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 15** (a) Empat huruf dipilih daripada perkataan GLACIER. Cari bilangan cara berlainan memilih 4 huruf itu jika tiada sebarang syarat dikenakan.
Four letters are to be selected from the word GLACIER. Find the number of different ways of selecting the 4 letters if there is no condition.
- (b) Dalam berapa carakah huruf-huruf dalam perkataan GLACIER dapat disusun jika huruf vokal disusun sebelah menyebelah?
How many ways the letters in the word GLACIER can be arranged if the vowels are situated side by side?

[4 markah/ marks]

Jawapan/Answer:



Tingkatan 5

- 1 Diberi $X = \{0, 1, 2, 3, 4\}$ ialah pemboleh ubah rawak diskret yang mewakili bilangan bola jaring yang terdapat di dalam stor dengan fungsi kebarangkalian masing-masing ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Given $X = \{0, 1, 2, 3, 4\}$ is a discrete random variable that represents the number of netballs in a store with their respective probability functions as shown in the table below.


X	0	1	2	3	4
$P(X = r)$	0.2	0.4	0.1	0.1	0.2

- (a) Tunjukkan bahawa X ialah suatu pemboleh ubah rawak diskret dengan fungsi kebarangkalian $P(X = r)$.
Show that X is a discrete random variable with the probability function $P(X = r)$.
- (b) Lakar graf taburan kebarangkalian bagi X .
Sketch the probability distribution graph for X .

[4 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 2 Rajah menunjukkan graf taburan normal piawai.
 Jika $P(0 < z < k) = 0.2730$, cari $P(z < k)$.
*The diagram shows a standard normal distribution graph.
 If $P(0 < z < k) = 0.2730$, find $P(z < k)$.*



[4 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 3 Dalam suatu kajian lapangan, 56% daripada murid di Universiti X menunggang motosikal ke kuliah. Jika satu sampel yang terdiri daripada 10 orang murid dipilih secara rawak, cari kebarangkalian bahawa 7 orang murid daripada sampel itu menunggang motosikal ke kuliah.
In a field research, 56% of the students in University X ride motorcycles to class. If a sample of 10 students is chosen at random, find the probability that 7 students from the sample ride motorcycles to class.

[5 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 4 X ialah pemboleh ubah rawak suatu taburan normal dengan min 8.4 dan varians 2.56. Cari
 X is a random variable of a normal distribution with a mean of 8.4 and a variance of 2.56. Find
 (a) skor Z jika $X = 8.7$,
the score Z if $X = 8.7$,
 (b) $P(8.4 \leq X \leq 8.7)$.

[5 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 5 Tinggi murid di sebuah sekolah mempunyai taburan normal dengan min 150 cm dan sisihan piawai 12 cm. Cari
The heights of the students in a school has a normal distribution with a mean of 150 cm and a standard deviation of 12 cm. Find
- (a) tinggi murid jika skor piawai ialah 0.5,
the height of the students if the standard score is 0.5,
- (b) peratus murid yang tingginya lebih daripada 170 cm.
the percentage of the students with heights more than 170 cm.

[5 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

-
- 6 Kebarangkalian setiap anak panah yang dilepaskan oleh Pei Xuan untuk mengenai sasaran ialah $\frac{1}{4}$.
The probability of each arrow shot by Pei Xuan to hit the aim is $\frac{1}{4}$.
- (a) Jika Pei Xuan melepaskan 7 anak panah, cari kebarangkalian 4 daripada anak panah itu mengenai sasaran.
If Pei Xuan shoots 7 arrows, find the probability that 4 of them hit the aim.
- (b) Jika Pei Xuan melepaskan n anak panah, didapati kebarangkalian kesemua anak panah itu untuk mengenai sasaran ialah $\frac{1}{64}$, cari nilai n .
If Pei Xuan shoots n arrows, the probability of all n arrows to hit the aim is $\frac{1}{64}$, find the value of n .

[5 markah/ marks]


Jawapan/Answer:

- 7 X ialah pemboleh ubah rawak selanjar bagi suatu taburan normal dengan min, μ dan sisihan piawai 8. Cari X is a continuous random variable of a normal distribution with a mean, μ and a standard deviation 8. Find
- (a) nilai μ jika $P(X < 37.2) = 0.08851$,
 the value of μ if $P(X < 37.2) = 0.08851$,
- (b) nilai k jika $P(z < k) = 0.8708$.
 the value of k if $P(z < k) = 0.8708$.

[4 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 8 Pemboleh ubah rawak diskret X mempunyai satu taburan kebarangkalian binomial dengan $n = 5$, dengan keadaan n ialah bilangan percubaan. Rajah di bawah menunjukkan taburan kebarangkalian bagi X .
 A discrete random variable X has a binomial probability distribution with $n = 5$, where n is the number of trials. The diagram below shows the probability distribution of X .



Cari


Find

- (a) nilai h ,
 the value of h ,
- (b) $P(X \geq 1)$.

[4 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 9 Rajah di bawah menunjukkan graf bagi fungsi taburan normal yang bersimetri pada $X = 37$.
The diagram below shows a normal distribution function graph which is symmetrical at $X = 37$.



- (a) Nyatakan nilai min, μ .
State the mean value, μ .
- (b) Ungkapkan rantau berlorek dalam tatatanda kebarangkalian.
Express the shaded region in probability notation.
- (c) Jika kebarangkalian rantau berlorek ialah 0.2014, cari $P(X < 17)$.
If the probability of the shaded region is 0.2014, find $P(X < 17)$.

[4 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 10** Pemboleh ubah rawak X mewakili taburan binomial dengan 8 percubaan dan kebarangkalian untuk berjaya ialah $\frac{1}{5}$. Cari

A random variable X represents a binomial distribution with 8 trials and the probability of success is $\frac{1}{5}$. Find

- (a) sisihan piawai taburan itu,
the standard deviation of the distribution,
(b) kebarangkalian tiada percubaan adalah berjaya.
the probability of no trials succeed.

[4 markah/ marks]

Jawapan/Answer:


-
- 11** Diberi suatu pemboleh ubah rawak selanjar $X \sim N(2.5, 0.64)$. Nyatakan min, μ dan sisihan piawai, σ bagi taburan ini.

Given a continuous random variable $X \sim N(2.5, 0.64)$. State the mean, μ and standard deviation, σ for this distribution.

[2 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 12 Rajah di bawah menunjukkan graf bagi fungsi taburan normal bagi pemboleh ubah rawak selanjar X .
The diagram below shows a normal distribution function graph for a continuous random variable X .



- (a) Nyatakan nilai min bagi X .
State the mean of X .
- (b) Ungkapkan rantau berlerek 25 dan 45 dalam tatabanda kebarangkalian.
Express the shaded regions 25 and 45 in probability notations.
- (c) Jika $P(X < 45) = 0.7270$, cari $P(X > 45)$ dan $P(25 < X < 45)$.
If $P(X < 45) = 0.7270$, find $P(X > 45)$ and $P(25 < X < 45)$.

[5 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 13 Jadual di bawah menunjukkan kebarangkalian skor bagi sebiji dadu yang dilambung dua kali dalam suatu permainan.

The table below shows the probability of the score for a fair dice tossed twice in a game.

Skor Score	1	2	3	4
Kebarangkalian Probability	$\frac{1}{3}$	$\frac{1}{4}$	p	$\frac{1}{5}$

- (a) Cari nilai p .
Find the value of p .
- (b) Lukis satu gambar rajah pokok untuk mewakili semua kesudahan yang mungkin.
Draw a tree diagram to represent all the possible outcomes.
- (c) Cari kebarangkalian jika jumlah skor ialah 4 selepas lambungan kali kedua.
Find the probability if the total score is 4 after the second toss.

[7 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 14 Suatu tinjauan di sebuah taman perumahan menunjukkan 80% daripada penduduknya mempunyai e-mel persendirian.

A survey in a residential area shows that 80% of the residents have personal e-mails.

- (a) Jika 7 orang penduduk di taman perumahan itu dipilih secara rawak, cari kebarangkalian sekurang-kurangnya lima orang penduduk mempunyai e-mel persendirian.

If 7 of the residents in the area are randomly selected, find the probability that at least five residents have personal e-mails.

- (b) Jika varians bagi penduduk yang mempunyai e-mel persendirian ialah 960, berapakah jumlah penduduk kawasan taman perumahan itu?

If the variance of the residents that have personal e-mails is 960, what is the total number of residents in the residential area?

[5 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 15 Jisim bagi pekerja di sebuah kilang bertaburan secara normal dengan min 64 kg dan sisihan piawai 5.5. 150 orang pekerja kilang itu mempunyai jisim antara 60 kg dan 69 kg. Cari jumlah pekerja kilang itu.

The masses of workers in a factory are normally distributed with a mean of 64 kg and standard deviation of 5.5. 150 of the factory workers have masses between 60 kg and 69 kg. Find the total number of the factory workers.

[3 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 16 (a) Dalam satu tinjauan yang dijalankan ke atas murid-murid di sebuah sekolah, didapati 1 daripada 5 orang murid mempunyai kamus elektronik. Jika 10 orang murid dari sekolah itu dipilih secara rawak, hitung kebarangkalian bahawa
- In a survey done on the students in a school, 1 out of 5 students has an electronic dictionary. If 10 students from the school are randomly selected, calculate the probability that*
- tepat 2 orang murid mempunyai kamus elektronik,
exactly 2 students have electronic dictionaries,
 - kurang daripada 2 orang murid mempunyai kamus elektronik.
less than 2 students have electronic dictionaries.
- (b) Jisim tembikai dari sebuah kebun adalah mengikut satu taburan normal dengan min 1.8 kg dan sisihan piawai 0.5 kg.
- The masses of watermelons from an orchard follow a normal distribution with a mean of 1.8 kg and a standard deviation of 0.5 kg.*
- Cari kebarangkalian bahawa sebiji tembikai yang dipilih secara rawak dari kebun ini berjisim tidak lebih daripada 2.2 kg.
Find the probability that a randomly selected watermelon from the orchard has a mass of not more than 2.2 kg.
 - Diberi bahawa 69.5% biji tembikai daripada sampel ini mempunyai jisim melebihi m g, cari nilai m .
Given that 69.5% of the watermelons from this sample have masses of more than m g, find the value of m .
- [10 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

17 Satu tinjauan dijalankan ke atas sekumpulan murid Tingkatan 5 untuk mengenal pasti sama ada mereka mengambil sarapan setiap pagi.

A survey is done on a group of Form 5 students to identify whether they take breakfast every morning.

(a) Diberi bahawa min bilangan murid yang mengambil sarapan pagi ialah 123, varians ialah 88 dan kebarangkalian seorang murid mengambil sarapan pagi ialah p .

Given that the mean of the number of students that take breakfast is 123, the variance is 88 and the probability that a student takes breakfast is p .

(i) Cari nilai p .

Find the value of p .

(ii) Jika 7 orang murid daripada kumpulan itu dipilih secara rawak, cari kebarangkalian lebih daripada 2 orang murid tidak mengambil sarapan pagi.

If 7 students from the group are randomly selected, find the probability that more than 2 students do not take breakfast.

(b) Sebuah kebun menghasilkan buah durian. Hanya buah durian yang mempunyai jisim x kg lebih daripada y kg akan digred dan dijual. Jadual di bawah menunjukkan gred buah durian berdasarkan jisim.

An orchard produces durians. Only durians with masses x kg more than y kg are graded and sold. The table below shows the grades of the durians based on masses.

Gred Grade	A	B	C
Jisim, x (kg) Mass, x (kg)	$x > 2.5$	$1.8 < x \leq 2.5$	$y < x \leq 1.8$

Diberi bahawa jisim buah durian adalah mengikut taburan normal dengan min 2.3 kg dan sisihan piawai 0.3 kg.

Given that the masses of the durians follow a normal distribution with a mean of 2.3 kg and a standard deviation of 0.3 kg.

(i) Jika sebiji buah durian diambil secara rawak, hitung kebarangkalian bahawa buah durian itu adalah gred A.

If a durian is chosen at random, calculate the probability that the durian is grade A.

(ii) Dalam sebutan bakul yang berisi 200 biji buah durian yang dihasilkan, anggarkan bilangan buah durian gred B.

In a basket with 200 durians produced, estimate the number of grade B durians.

(iii) Jika 98% buah durian dijual, cari nilai y .

If 98% of the durians are sold, find the value of y .

[10 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 18** Suatu kertas ujian mengandungi 50 soalan. Setiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan dengan keadaan hanya satu jawapan sahaja yang betul.
A test paper consists of 50 questions. Each question is followed by four choices of answers where only one answer is correct.
- (a) Shazwani menjawab semua soalan dengan memilih secara rawak satu jawapan untuk setiap soalan.
Shazwani answered all questions by randomly choosing one answer for each question.
- (i) Anggarkan bilangan soalan yang dijawab dengan betul.
Estimate the number of questions answered correctly.
 - (ii) Cari sisihan piawai bagi bilangan soalan yang dijawab dengan betul.
Find the standard deviation of the number of questions answered correctly.
- (b) Suhaini menjawab 35 soalan dengan betul dan memilih secara rawak satu jawapan untuk setiap 15 soalan selebihnya. Cari kebarangkalian bahawa dia menjawab
Suhaini answered 35 questions correctly and randomly chose one answer for the next 15 questions. Find the probability that she answered
- (i) 42 soalan dengan betul,
42 questions correctly,
 - (ii) lebih 47 soalan dengan betul.
more than 47 questions correctly.

[10 markah/ marks]


Jawapan/Answer:

- 19 (a) Kebarangkalian seorang murid mempunyai komputer riba ialah h . Suatu sampel yang terdiri daripada 10 orang murid dipilih secara rawak. Jika kebarangkalian 10 orang murid yang mempunyai komputer riba itu ialah 0.3814, cari nilai h .

The probability of a student has a laptop tablet is h . A sample of 10 students are randomly chosen. If the probability of the 10 students who have laptops is 0.3814, find the value of h .

- (b) Rajah di bawah menunjukkan satu graf taburan normal piawai yang mewakili penyertaan individu bagi acara maraton di daerah Gombak.

The diagram below shows a standard normal distribution graph that represents the individual participations for a marathon event in Gombak district.



Diberi bahawa min usia bagi individu yang mengambil bahagian ialah 35 tahun dan variansnya ialah 625 tahun. Jika peratus individu yang melebihi usia k tahun ialah 27.7% dengan keadaan k ialah integer, cari

Given that the mean age of the individuals that participate is 35 years old and the variance is 625 years. If the percentage of the individuals that exceed the age of k years old is 27.7% where k is an integer, find

- (i) nilai k ,
the value of k ,
- (ii) peratus usia antara 20 tahun dan 55 tahun.
the percentage of ages between 20 years old and 55 years old.

[10 markah/ marks]

Jawapan/Answer:



Tingkatan 5

- 1 Diberi $\cos \theta = k$, $0^\circ < \theta < 90^\circ$, ungkapkan dalam sebutan k ,
Given $\cos \theta = k$, $0^\circ < \theta < 90^\circ$, express in terms of k ,
- (a) $\sec 2\theta / \sec 2\theta$,
(b) $\sin(90^\circ - \theta)$,

Jawapan/Answer:

[4 markah/ marks]

-
- 2 Selesaikan persamaan untuk $2 \sec^2 A + 6 = 7 \sec A$ untuk $0^\circ \leq A \leq 360^\circ$.
Solve the equation $2 \sec^2 A + 6 = 7 \sec A$ for $0^\circ \leq A \leq 360^\circ$.

Jawapan/Answer:

[3 markah/ marks]

- 3 Selesaikan persamaan $4 - \sin x = 4 \cos^2 x$ bagi $0^\circ \leq x \leq 360^\circ$.
Solve the equation $4 - \sin x = 4 \cos^2 x$ for $0^\circ \leq x \leq 360^\circ$.

[3 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

-
- 4 Selesaikan persamaan $2 \sin 2x = \tan x$ bagi $0^\circ \leq x \leq 360^\circ$.
Solve the equation $2 \sin 2x = \tan x$ for $0^\circ \leq x \leq 360^\circ$.

[3 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

-
- 5 Selesaikan persamaan $\frac{1}{\cot^2 x} + \sec^2 x - 3 = 0$ bagi $0^\circ \leq x \leq 360^\circ$.
Solve the equation $\frac{1}{\cot^2 x} + \sec^2 x - 3 = 0$ for $0^\circ \leq x \leq 360^\circ$.

[3 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

-
- 6 Selesaikan persamaan $3 \cot^2 x + 2 \cot x = 0$ bagi $0^\circ \leq x \leq 360^\circ$.
Solve the equation $3 \cot^2 x + 2 \cot x = 0$ for $0^\circ \leq x \leq 360^\circ$.

[3 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 7 Diberi kosek $\theta = \frac{1}{p}$, dengan keadaan p ialah pemalar dan $90^\circ \leq x \leq 180^\circ$. Ungkapkan dalam sebutan p ,
 Given cosec $\theta = \frac{1}{p}$, where p is a constant and $90^\circ \leq x \leq 180^\circ$. Express in terms of p ,
- (a) sek θ /sec θ ,
 (b) $\sin 2\theta$,

[4 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 8 Selesaikan persamaan $2 \cos x \sin x + \sin x = 0$ bagi $0^\circ \leq x \leq 360^\circ$.
 Solve the equation $2 \cos x \sin x + \sin x = 0$ for $0^\circ \leq x \leq 360^\circ$.

[3 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 9 Diberi kos $\theta = -\sin 35^\circ$, cari semua nilai θ bagi $0^\circ \leq \theta \leq 360^\circ$.
 Given $\cos \theta = -\sin 35^\circ$, find all the values of θ for $0^\circ \leq \theta \leq 360^\circ$.

[3 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

10 Diberi bahawa $\sin A = \frac{12}{13}$ dan $\cos B = \frac{3}{5}$, dengan keadaan A ialah sudut cakah dan B ialah sudut tirus. Cari

Given that $\sin A = \frac{12}{13}$ and $\cos B = \frac{3}{5}$, where A is an obtuse angle and B is an acute angle.

Find

- (a) kot $A/\cot A$,
- (b) $\tan(A - B)$.

[3 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

11 Selesaikan persamaan $\sin(x + 25^\circ) = 0.75$ bagi $0^\circ \leq x \leq 180^\circ$.

Solve the equation $\sin(x + 25^\circ) = 0.75$ for $0^\circ \leq x \leq 180^\circ$.

[3 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

12 Diberi bahawa $\tan A = \frac{4}{3}$ dan $\tan B = \frac{1}{\sqrt{3}}$, dengan keadaan A dan B berada pada kuadrant $180^\circ \leq \theta \leq 270^\circ$. Cari

Given that $\tan A = \frac{4}{3}$ and $\tan B = \frac{1}{\sqrt{3}}$, where A and B lies in the quadrant $180^\circ \leq \theta \leq 270^\circ$. Find

- (a) $\sin A$,
- (b) $\cos(A + B)$.

[3 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 13 Selesaikan persamaan $3 \tan^2 \theta - 5 \sec \theta = -5$ bagi $0^\circ \leq \theta \leq 360^\circ$.
Solve the equation $3 \tan^2 \theta - 5 \sec \theta = -5$ for $0^\circ \leq \theta \leq 360^\circ$.

[3 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 14 Selesaikan persamaan $2 \tan \alpha = 5 - 3 \cot \alpha$ bagi $0^\circ \leq \alpha \leq 180^\circ$.
Solve the equation $2 \tan \alpha = 5 - 3 \cot \alpha$ bagi $0^\circ \leq \alpha \leq 180^\circ$.

[3 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 15 (a) Buktikan bahawa:
Prove that:

$$\begin{aligned} \tan x + \cot x &= \sec x \operatorname{cosec} x \\ \tan x + \cot x &= \sec x \operatorname{cosec} x \end{aligned}$$

- (b) Lakarkan graf bagi $y = 2 \cos x$ dan $y = \frac{x}{\pi} - 1$ untuk $0 \leq x \leq 2\pi$. Seterusnya, menggunakan paksi yang sama, lakarkan garis lurus itu dan nyatakan bilangan penyelesaian bagi persamaan untuk $\cos x = \frac{x - \pi}{3\pi}$ untuk $0 \leq x \leq 2\pi$.

Sketch the graph $y = 2 \cos x$ and $y = \frac{x}{\pi} - 1$ for $0 \leq x \leq 2\pi$. Then, using the same axes, sketch the straight line and state the number of solutions for the equation $\cos x = \frac{x - \pi}{3\pi}$ for $0 \leq x \leq 2\pi$.

[8 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 16** Lakarkan graf bagi $y = \sin 2x$ dan $y = 1 + \cos 2x$ pada paksi yang sama untuk $0^\circ \leq x \leq 360^\circ$. Seterusnya, nyatakan bilangan penyelesaian bagi persamaan $\sin 2x = 1 + \cos 2x$ untuk $0^\circ \leq x \leq 360^\circ$.
Sketch the graph $y = \sin 2x$ and $y = 1 + \cos 2x$ on the same axes for $0^\circ \leq x \leq 360^\circ$. Then, state the number of solutions for the equation $\sin 2x = 1 + \cos 2x$ for $0^\circ \leq x \leq 360^\circ$.

[7 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 17** (a) Buktikan bahawa:
Prove that:

$$\frac{\sin(x+y) - \sin(x-y)}{\cos/cos(x+y) + \cos/cos(x-y)} = \tan y$$

- (b) Lakarkan graf bagi $y = -2 \sin 2x$ untuk $0 \leq x \leq \pi$.

Sketch the graph $y = -2 \sin 2x$ for $0 \leq x \leq \pi$.

Seterusnya, dengan menggunakan paksi yang sama, lukiskan satu garis lurus yang sesuai untuk mencari bilangan penyelesaian bagi persamaan $2\pi \sin 2x = 2x - \pi$ untuk $0 \leq x \leq \pi$. Nyatakan bilangan penyelesaian itu.

Then, by using the same axes, sketch a suitable straight line to find the number of solutions for the equation $2\pi \sin 2x = 2x - \pi$ for $0 \leq x \leq \pi$. State the number of solutions.

[8 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 18** Ungkapkan $\frac{1 + \tan^2 x}{\cos^2 x}$ dalam sebutan $\sin x$ dalam bentuk termudah.

Express $\frac{1 + \tan^2 x}{\cos^2 x}$ in terms of $\sin x$ in the simplest term.

[2 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 19 Lakar graf bagi $y = 1 + |\cos 2x|$ untuk $0^\circ \leq x \leq \pi$. Seterusnya, dengan menggunakan paksi yang sama, lakar satu garis lurus yang sesuai untuk mencari bilangan penyelesaian bagi persamaan $2 + |\cos 2x| = \frac{x}{\pi} + 3$ untuk $0^\circ \leq x \leq 2\pi$. Nyatakan bilangan penyelesaian itu.

Sketch the graph $y = 1 + |\cos 2x|$ for $0^\circ \leq x \leq \pi$. Then, by using the same axes, sketch a suitable straight line to find the number of solutions for the equation $2 + |\cos 2x| = \frac{x}{\pi} + 3$ for $0^\circ \leq x \leq 2\pi$. State the number of solutions.

[6 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 20 (a) Buktikan bahawa:

Prove that:

$$\frac{\sin x - \sin x \cos^2 x}{\cos x - \cos^3 x} = \tan x$$

$$\frac{\sin x - \sin x \cos^2 x}{\cos x - \cos^3 x} = \tan x$$

- (b) Lakar graf bagi $y = -\tan x$ untuk $0^\circ \leq x \leq 2\pi$.

Sketch the graph $y = -\tan x$ for $0^\circ \leq x \leq 2\pi$.

Seterusnya, dengan menggunakan untuk paksi yang sama, lakar satu garis lurus yang sesuai untuk mencari bilangan penyelesaian bagi persamaan $\frac{2x}{\pi} + \frac{\sin x - \sin x \cos^2 x}{\cos x - \cos^3 x} = 0$ untuk $0^\circ \leq x \leq 2\pi$. Nyatakan bilangan penyelesaian itu.

Then, by using the same axes, sketch a suitable straight line to find the number of solutions for the equation $\frac{2x}{\pi} + \frac{\sin x - \sin x \cos^2 x}{\cos x - \cos^3 x} = 0$ for $0^\circ \leq x \leq 2\pi$. State the number of solutions.

[8 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

21 (a) Diberi $\sin x = \frac{3}{5}$ dengan x berada pada sukuan $0^\circ \leq \theta \leq 90^\circ$. Buktikan $\sin(x + \frac{\pi}{4}) - \cos(x - \frac{\pi}{4}) = 0$.

Given $\sin x = \frac{3}{5}$ where x lies in the quadrant $0^\circ \leq x \leq \pi$. Prove that $\sin(x + \frac{\pi}{4}) - \cos(x - \frac{\pi}{4}) = 0$.

(b) (i) Lengkapkan jadual berikut bagi persamaan $3 \cos 2x$ untuk $0^\circ \leq x \leq \pi$.

Complete the following table for the equation $3 \cos 2x$ for $0^\circ \leq x \leq \pi$.

x	0	$\frac{\pi}{4}$	$\frac{\pi}{2}$	$\frac{3\pi}{4}$	π
y					

Lukis graf bagi $y = 3 \cos 2x$ dengan menggunakan skala 3 cm kepada $\frac{\pi}{4}$ unit pada paksi- x dan 2 cm kepada 1 unit pada paksi- y . Gunakan kertas graf di halaman 121.


Draw a graph of $y = 3 \cos 2x$ by using a scale of 3 cm to $\frac{\pi}{4}$ units on the x -axis and 2 cm to 1 unit on the y -axis.

Use the graph paper on page 121.

(ii) Seterusnya pada paksi yang sama, lukis garis lurus $y = \frac{2x}{\pi} - 1$ untuk mencari bilangan penyelesaian bagi $3 \cos 2x = \frac{2x}{\pi} - 1$.

Then, on the same axes, draw a straight line $y = \frac{2x}{\pi} - 1$ to find the number of solutions for $3 \cos 2x = \frac{2x}{\pi} - 1$.
[10 markah/marks]

Jawapan/Answer:



- 22 Lakar graf bagi $y = |3 \sin 2x|$ untuk $0^\circ \leq x \leq 2\pi$. Seterusnya, dengan menggunakan paksi yang sama, lakar satu garis lurus yang sesuai untuk mencari bilangan penyelesaian bagi persamaan $|3 \sin 2x| + \frac{12}{5\pi}x - 3 = 0$ untuk $0^\circ \leq x \leq 2\pi$. Nyatakan bilangan penyelesaian itu.


Sketch the graph $y = |3 \sin 2x|$ for $0^\circ \leq x \leq 2\pi$. Then, by using the same axes, sketch a suitable straight line to find the number of solutions for the equation $|3 \sin 2x| + \frac{12}{5\pi}x - 3 = 0$ for $0^\circ \leq x \leq 2\pi$. State the number of solutions.

[7 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 23 Rajah menunjukkan graf bagi fungsi $y = a \sin bx + c$ untuk $0^\circ \leq x \leq 2\pi$, dengan keadaan a , b , dan c ialah integer positif.

The diagram shows a graph of the function $y = a \sin bx + c$ for $0^\circ \leq x \leq 2\pi$, where a , b and c are positive integers.



Nyatakan nilai a , b dan c .
State the values of a , b and c .

[3 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 24 (a) Buktikan bahawa:
Prove that:

$$\sin 2x = 2 \sin x \cos x$$
$$\sin 2x = 2 \sin x \cos x$$

- (b) Seterusnya, selesaikan persamaan untuk $0^\circ \leq x \leq 360^\circ$ bagi:
Then, solve the following equation for $0^\circ \leq x \leq 360^\circ$ for:

$$2 - 3 \sin 2x = 0$$

[5 markah/ marks]


Jawapan/Answer:



VIDEO

Tingkatan 5

- 1 Rajah menunjukkan dua rantau berlorek, STU dan UVW .
The diagram shows two shaded regions, STU and UVW .



- (a) Nyatakan tiga ketaksamaan yang mentakrifkan kawasan UVW .
State three inequalities that define the region UVW .
- (b) Cari nilai maksimum bagi $3x + 2y$ jika titik (x, y) terletak di
Find the maximum value of $3x + 2y$ if point (x, y) is on
- rantau berlorek STU ,
the shaded region of STU ,
 - rantau berlorek UVW .
the shaded region of UVW .

[10 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 2 Pusat Tuisyen Gemilang Pentakota menawarkan kelas Matematik Tambahan dan Fizik. Bilangan murid yang mendaftarkan diri untuk kelas Matematik Tambahan dan Fizik masing-masing ialah x dan y . Pendaftaran murid adalah berdasarkan kekangan yang berikut.

Pusat Tuisyen Gemilang Pentakota offers Additional Mathematics and Physics classes. The number of students registering for Additional Mathematics class and Physics class are x and y respectively. The registration of the students is based on the following constraints.

I : Bilangan maksimum murid yang mendaftar untuk kelas tersebut ialah 90.

The maximum number of students registering for the class is 90.

II : Bilangan murid yang mendaftar kelas Fizik adalah sekurang-kurangnya 25.

The number of students registering for Physics class is at least 25.

III: Bilangan murid yang mendaftar kelas Fizik selebih-lebihnya $\frac{3}{4}$ kali bilangan murid yang mendaftar kelas Matematik Tambahan.

The number of students registering for Physics class is at most $\frac{3}{4}$ times the number of students registering for Additional Mathematics class.

(a) Tulis tiga ketaksamaan, selain $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memenuhi semua kekangan di atas.

Write three inequalities, other than $x \geq 0$ and $y \geq 0$, that satisfy all the above constraints.

Dengan menggunakan skala 2 cm kepada 10 orang murid pada kedua-dua paksi, bina dan lorek rantau **R** yang memenuhi semua kekangan di atas. Gunakan kertas graf di halaman 126.

*Using a scale of 2 cm to 10 students on both axes, construct and label the **R** region that satisfies all the above constraints. Use the graph paper on page 126.*

(b) Berdasarkan graf yang dibina di (b), cari

Based on the graph drawn in (b), find

(i) bilangan minimum murid yang mendaftar kelas Matematik Tambahan,


the minimum number of students registering for Additional Mathematics class,

(ii) jumlah maksimum kutipan yuran bulanan jika yuran bulanan bagi seorang murid yang mendaftar kelas Matematik Tambahan dan kelas Fizik masing-masing ialah RM500 dan RM700.

the maximum total of monthly fee collected if the monthly fee of a student registering for Additional Mathematics class and Physics class are RM500 and RM700 respectively.

[10 markah/ marks]

Jawapan/Answer:



- 3 Sebuah kilang menghasilkan dua jenis penapis air, A dan B . Setiap hari, kilang tersebut boleh menghasilkan sebanyak x penapis air jenis A dan sebanyak y penapis air jenis B . Keuntungan daripada hasil jualan penapis air jenis A dan B masing-masing ialah RM12 dan RM15. Penghasilan penapis air adalah berdasarkan kekangan yang berikut.

A factory produces two types of water filter, A and B. The factory can produce x water filter A and y water filter B daily. The profit from the sales of the water filters A and B are RM12 and RM15 respectively. The production of the water filters are based on the following constraints.

I : Jumlah bilangan penapis air yang dihasilkan adalah selebih-lebihnya 400.

The total number of water filters produced is at most 400.

II : Bilangan penapis air A yang dihasilkan adalah tidak melebihi 3 kali bilangan penapis air B .

The number of water filter A produced does not exceed 3 times the number of water filter B.

III: Keuntungan minimum kedua-dua jenis penapis air adalah RM3 300.

The minimum profit of both types of water filters is RM3 300.

(a) Tulis tiga ketaksamaan, selain $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memenuhi semua kekangan di atas.

Write three inequalities, other than $x \geq 0$ and $y \geq 0$, that satisfy all the above constraints.

(b) Dengan menggunakan skala 2 cm kepada 50 unit penapis air pada kedua-dua paksi, bina dan lorek rantau R yang memenuhi semua kekangan di atas. Gunakan kertas graf di halaman 128.

Using a scale of 2 cm to 50 filters on both axes, construct and label the R region that satisfies all the above constraints. Use the graph paper on page 128.

(c) Berdasarkan graf yang dibina di (b), cari

Based on the graph drawn in (b), find

(i) bilangan minimum penapis air B yang dihasilkan jika bilangan penapis air A yang dihasilkan dalam satu hari tertentu adalah 50,


the minimum number of water filter B produced if the number of water filter A produced on a particular day is 50,

(ii) jumlah keuntungan maksimum dalam sehari.

the maximum total profit in a day.

[10 markah/ marks]

Jawapan/Answer:





Tingkatan 5

- 1 Suatu zarah bergerak di sepanjang satu garis lurus melalui satu titik tetap O , dengan halaju 12 m s^{-1} . Pecutannya, $a \text{ m s}^{-2}$, t saat selepas melalui O ialah $a = 4 - 2t$. Zarah itu berhenti selepas $k \text{ s}$.
A particle moves along a straight line and passes through a fixed point O , with a velocity of 12 m s^{-1} . The acceleration, $a \text{ m s}^{-2}$, t seconds after passing through O is $a = 4 - 2t$. The particle stops after $k \text{ s}$.
- (a) Cari
Find
- halaju maksimum zarah itu,
the maximum velocity of the particle,
 - nilai k .
the value of k .
- (b) Lakarkan graf halaju-masa untuk $0 \leq t \leq k$. Seterusnya, hitung jumlah jarak yang dilalui dalam tempoh masa itu.
Sketch a velocity-time graph for $0 \leq t \leq k$. Hence, calculate the total distance travelled in the given time period.
- [10 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 2 Suatu zarah bergerak di sepanjang suatu garis lurus bermula dari satu titik tetap O . Halajunya, $v \text{ m s}^{-1}$, diberi oleh $v = 3t(t - 4)$, dengan keadaan t ialah masa, dalam saat, selepas meninggalkan titik O . Cari [Anggapkan gerakan ke arah kanan sebagai positif]

A particle moves along a straight line and passes through a fixed point O . The velocity, $v \text{ m s}^{-1}$, is given by $v = 3t(t - 4)$, where t is the time, in seconds, after leaving O . Find

[Assume motion to the right is positive]


- (a) halaju maksimum zarah itu,
the maximum velocity of the particle,
- (b) jarak yang dilalui pada saat ketiga,
the distance travelled at the third second,
- (c) nilai t apabila zarah itu melalui titik O semula,
the value of t when the particle passes through O again,
- (d) masa di antara zarah itu meninggalkan O dengan masa zarah itu berpatah balik.
the time between the particle leaving O and return.

[10 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 3 Rajah di bawah menunjukkan kedudukan dan arah gerakan dua objek, P dan Q , yang bergerak pada suatu garis lurus dan masing-masing melalui dua titik tetap, A dan B . Pada ketika P melalui titik tetap A , Q melalui titik tetap B . Jarak AB ialah 15 m.

The diagram below shows the positions and directions of two objects, P and Q , that moves along a straight line and passes through two fixed points, A and B respectively. When P passes through fixed point A , Q passes through fixed point B . The distance of AB is 15 m.



Halaju bagi P , v_p m s⁻¹, diberi oleh $v_p = 6 + t - t^2$, dengan keadaan t ialah masa dalam saat, selepas melalui A , manakala Q bergerak dengan halaju malar -3 m s⁻¹. Objek P berhenti seketika di titik C . Cari

[Anggapkan gerakan ke arah kanan sebagai positif]

The velocity of P , v_p m s⁻¹, is given by $v_p = 6 + t - t^2$, where t is time in seconds after passing through A , whereas Q moves with uniform velocity -3 m s⁻¹. Object P stops instantaneously at C . Find

[Assume motion to the right is positive]

- halaju maksimum, dalam m s⁻¹, bagi P ,
the maximum velocity, in m s⁻¹, of P ,
- jarak, dalam m, C dari A ,
the distance, in m, of C from A ,
- jarak, dalam m, antara P dan Q ketika P berada di titik C .
the distance, in m, between P and Q when P is at C .


[10 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 4 Suatu zarah bergerak di sepanjang garis lurus dan melalui satu titik tetap O . Halajunya, $v \text{ m s}^{-1}$, diberi oleh $v = 2t^2 - 5t - 3$, dengan keadaan t ialah masa, dalam saat, selepas melalui O .
 [Anggapkan gerakan ke arah kanan sebagai positif]
*A particle moves along a straight line and passes through a fixed point O . The velocity, $v \text{ m s}^{-1}$, is given by $v = 2t^2 - 5t - 3$, where t is the time, in seconds, after passing through O .
 [Assume motion to the right is positive]*
- (a) Cari
Find
- (i) halaju awal zarah itu,
the initial velocity of the particle,
 - (ii) julat masa apabila zarah itu bergerak arah ke kiri,
the range of time when the particle moves to the left,
 - (iii) julat masa apabila pecutan zarah itu adalah positif.
the range of time when the acceleration of the particle is positive.
- (b) Lakar graf halaju melawan masa bagi pergerakan zarah itu untuk $0 \leq t \leq 4$.
Sketch a graph of velocity against time for the movement of the particle for $0 \leq t \leq 4$.
- (c) Hitung jumlah jarak yang dilalui dalam masa 4 saat yang pertama selepas melalui O .
Calculate the total distance travelled in the first 4 seconds after passing through O .

[10 markah/ marks]

Jawapan/Answer:



- 5 Sebuah bola bergerak di sepanjang suatu garis lurus dan melalui satu titik tetap bertanda X . Halajunya, $v \text{ m s}^{-1}$, diberi oleh $v = 3t^2 - 8t + 5$, dengan keadaan t ialah masa, dalam saat, selepas melalui X . Cari [Anggapkan gerakan ke arah kanan sebagai positif]
- A ball moves along a straight line and passes through a fixed point labelled X . The velocity, $v \text{ m s}^{-1}$, is given by $v = 3t^2 - 8t + 5$, where t is the time, in seconds, after passing through X . Find [Assume motion to the right is positive]*
- (a) halaju awal, dalam m s^{-1} ,
the initial velocity, in m s^{-1} ,
 - (b) halaju minimum, dalam m s^{-1} ,
the minimum velocity, in m s^{-1} ,
 - (c) julat nilai t ketika bola bergerak ke arah kiri,
the range of values of t when the ball moves to the left,
 - (d) jumlah jarak, dalam m , yang dilalui oleh zarah dalam 4 saat pertama.
the total distance, in m , travelled by the particle in the first 4 seconds.

[10 markah/ marks]

Jawapan/Answer:

- 6 Suatu zarah bergerak di sepanjang suatu garis lurus dengan keadaan halajunya, $v \text{ m s}^{-1}$, diberi oleh $v = t^3 - 5t^2 + 4t$, dengan keadaan t ialah masa, dalam saat, selepas melalui suatu titik tetap O .

